

WAR 24 MODEL PENERIMAAN TEKNOLOGI DALAM PENILAIAN KEBERKESANAN PROSEDUR PERMOHONAN ZAKAT PENDIDIKAN SECARA ELEKTRONIK (E-DERMASISWA)

Norzalina Zainudin, NurNaddia Nordin, Aza Shahnaz Azman, Teh Suhaila Tajuddin,
Mohd Rozaini Jumali, Muhammad Asyraf Farhan Saharil

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, KUIS
Selangor, Malaysia &
Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang, MUIP
Pahang, Malaysia

norzalina@kuis.edu.my, naddia@kuis.edu.my, azashahnaz@kuis.edu.my,
tehsuhaila@kuis.edu.my, rozaini@muip.gov.my, asyraf@muip.gov.my

ABSTRAK

Kecekapan dalam pengurusan permohonan mahupun agihan bantuan merupakan matlamat utama institusi zakat dalam memastikan setiap bantuan yang diberikan sampai kepada kumpulan sasaran. Kini dengan adanya kemajuan dalam bidang teknologi maklumat dan komunikasi (ICT), pengurusan zakat dilihat mampu dilakukan dengan lebih cepat dan berkesan. Aplikasi permohonan secara atas talian (*on-line*) atau lebih dikenali sebagai *E-Dermasiswa* telah diperkenalkan oleh Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang (MUIP) pada tahun 2009. Inovasi ICT ini dilihat sebagai satu kaedah pengurusan zakat yang lebih efisien dalam mengagihkan bantuan zakat pendidikan kepada pelajar. Selari dengan usaha untuk meningkatkan penggunaan terhadap sistem ini, maka faktor-faktor yang mempengaruhi keberkesanan prosedur permohonan bantuan zakat secara atas talian ini perlu dikaji. Model penerimaan teknologi digunakan dalam mengenalpasti tahap keberkesanan prosedur permohonan bantuan ini kepada pengguna. Hasil kajian di beberapa institusi pengajian tinggi di negeri Pahang mendapati model yang dicadangkan mampu dijelaskan sebanyak 65% perubahan dalam keberkesanan prosedur permohonan zakat secara atas talian. Konstruk mudah guna dan tahu guna masing-masing menunjukkan nilai signifikan positif dengan keberkesanan permohonan zakat secara atas talian iaitu ($\beta=0.502$, $P<0.001$) dan ($\beta=0.258$, $P<0.001$). Hasil kajian ini diharapkan mampu memberi nilai tambah kepada sistem pengagihan zakat yang sedia ada atau juga boleh dijadikan panduan kepada institusi zakat di negeri-negeri lain di Malaysia dalam memberikan perkhidmatan pengurusan zakat yang lebih cekap dan efisien di masa hadapan.

Kata kunci: Model Penerimaan Teknologi; zakat pendidikan; keberkesanan; E-Dermasiswa.

1.0 PENDAHULUAN

Zakat berperanan untuk mengagihkan kekayaan secara adil dalam masyarakat bagi tujuan merapatkan jurang sosial antara yang kaya dengan yang miskin. Hikmah pensyariatkan zakat boleh dilihat dari dua aspek iaitu aspek ekonomi dan aspek sosial (Shofian & Amir Husin, 2002). Zakat dari sudut ekonomi mampu meringankan beban perbelanjaan dengan menambahkan kuasa beli masyarakat. Keikhlasan pengeluar zakat tanpa mengharap apa-

apa balasan selain daripada balasan Allah SWT juga mampu melahirkan aktiviti perekonomian yang sihat seperti tiada penindasan, penipuan, riba, monopoli dan sebagainya (Shofian & Amir Husin, 2002). Selain itu zakat dilihat sebagai satu bentuk jaminan sosial di mana ia mampu menyucikan jiwa pengeluatnya daripada sifat bakhil, mementingkan diri sendiri, sombong serta merapatkan hubungan sosial dalam masyarakat. Zakat dilihat sebagai satu kaedah pengagihan harta secara bantuan segera kepada pihak-pihak yang layak menerimanya.

Menurut Wahid et al. (2009) terdapat lapan kategori asnaf yang berhak menerima zakat iaitu fakir, miskin, amil, muallaf, riqab, gharimin, fisabilillah dan ibnu sabil. Dalam pengagihan dana zakat, golongan fakir dan miskin merupakan golongan penerima zakat yang paling diutamakan. Bagaimanapun kajian ini secara khusus memfokuskan kepada zakat pendidikan yang termasuk dalam golongan asnaf fisabilillah. MUIP (2009) mengklasifikasikan asnaf fisabilillah sebagai merujuk kepada mana-mana orang atau pihak yang melibatkan diri dalam suatu aktiviti atau aktiviti untuk menegak, mempertahankan dan mendakwah agama Islam serta kebajikannya. Zakat pendidikan ini dilihat berperanan dalam membela dan memberi bantuan kepada golongan asnaf fisabilillah dalam hal ehwal pendidikan. Agihan zakat pendidikan ini dilihat mampu untuk meningkatkan kualiti pendidikan dan juga melahirkan insan yang berilmu, bertakwa dan berketerampilan. Selari dengan matlamat tersebut, institusi zakat telah menyediakan kemudahan dalam memudahkan proses agihan bantuan zakat ini dapat dijalankan dengan sebaiknya.

Kini, dengan adanya perkembangan pantas dalam bidang ICT pengurusan zakat dilihat mampu dijalankan dengan lebih cekap dan efisien. Kaedah permohonan bantuan dan agihan secara atas talian (*on-line*) memperlihatkan inovasi terkini yang mampu memberikan perkhidmatan dengan lebih cepat dan berkesan. Sehubungan dengan itu, kelebihan ICT dalam pengurusan zakat ini telah dimanfaatkan sebaiknya oleh MUIP dengan menyediakan sistem permohonan zakat secara atas talian yang dikenali sebagai *E-Dermasiswa*. Sistem *E-Dermasiswa* merupakan agihan zakat pendidikan kepada pelajar-pelajar yang melanjutkan pengajian ke institusi pengajian tinggi atau pondok di dalam atau juga di luar negara. Melalui sistem ini pelajar-pelajar yang layak memohon boleh terus membuat permohonan secara atas talian berbanding prosedur permohonan biasa di mana pemohon perlu menghantar borang permohonan secara manual di kaunter zakat yang berkenaan. Inovasi yang dijalankan oleh MUIP ini dilihat sebagai *pioneer* dalam sistem agihan zakat secara atas talian di Malaysia.

Inovasi ini juga telah menunjukkan peningkatan lebih daripada dua puluh kali ganda dalam jumlah permohonan zakat pendidikan pada tahun 2014 berbanding tahun 2009 (MUIP, 2014). Sebelum ini aplikasi pengurusan zakat secara atas talian lebih menumpukan dari sudut pembayar zakat seperti *eZakatPay*, *e-Majikan* dan *eZakatOnline* yang diperkenalkan oleh Lembaga Zakat Selangor (LZS). Menurut Mohamad Izam (2010) LZS merupakan antara pusat zakat yang mempunyai sistem teknologi maklumat yang canggih di mana kemudahan ICT ini dilihat dapat meningkatkan kecekapan tenaga kerja, penghantaran yang lebih baik dan lebih cepat serta akses yang tinggi daripada pengguna. Justeru kajian ini dilaksanakan untuk mengetahui keberkesanan penggunaan sistem atas talian (*E-Dermasiswa*) di dalam prosedur permohonan zakat pendidikan di negeri Pahang. Walaupun terdapat banyak kajian sebelum ini yang menentengahkan tentang persepsi ataupun penerimaan penggunaan ICT terhadap pengguna sistem zakat secara atas talian, namun kajian-kajian ini lebih menumpukan kepada aspek pembayar zakat sahaja. Oleh itu kajian ini dapat menyumbang dari sudut penerima zakat dan ICT yang pada pengetahuan penyelidik masih kurang diketengahkan pada ketika ini. Maka diharapkan kajian mampu memberi nilai tambah dalam

kajian inovasi ICT dalam pengurusan zakat dan seterusnya dapat memberikan maklumat yang jelas kepada pelaksana dan pembuat polisi yang berkaitan dengan pentadbiran zakat di Malaysia.

2.0 KAJIAN LITERATUR


Aplikasi pengurusan zakat secara atas talian

Beberapa kajian berkenaan pengurusan zakat dengan menggunakan aplikasi atas talian telah dijalankan sebelum ini seperti Muda et al (2013) dan Norhayati (2011). Kedua-dua kajian ini melihat dari sudut pembayar zakat. Muda et al (2013) mengupas tentang persepsi pengguna laman web LZS terhadap pembayaran zakat secara atas talian. Kajian ini menggunakan sampel bertujuan dengan bilangan 385 responden yang terdiri daripada ahli yang terdapat dalam laman *facebook* rasmi LZS serta penjawat-penjawat awam dan swasta di Selangor. Tahap persepsi responden telah diukur menggunakan instrumen Model Penerimaan Teknologi yang telah dibangunkan oleh Fred D. Davis (1989) serta diolah mengikut kesesuaian kajian oleh penyelidik. Persepsi responden dipecahkan kepada bahagian kemanfaatan, kemudahan penggunaan dan kepercayaan. Hasil kajian menunjukkan persepsi pengguna laman web zakat LZS terhadap pembayaran zakat secara atas talian adalah tinggi (49.6%) diikuti tahap sederhana (48.6%) dan hanya 1.8% yang memberikan persepsi yang rendah.

Kajian oleh norhayati (2011) juga mengetengahkan tentang pembayaran zakat melalui atas talian. Beliau menggunakan sampel kajian seramai 130 orang yang terdiri daripada pekerja sektor awam dan swasta. Secara umumnya kajian ini bertujuan untuk mengetahui persepsi pengguna terhadap pembayaran zakat melalui atas talian. Kajian beliau turut menguji perkaitan antara persepsi pengguna dengan manfaat penggunaan, kemudahan penggunaan, kawalan tingkah laku dan kepercayaan. Hasil ujian korelasi Pearson menunjukkan terdapat perhubungan positif diantara persepsi pengguna dengan manfaat penggunaan. Selain itu hasil kajian juga mendapati terdapat perkaitan positif yang rendah antara persepsi pengguna dan kemudahan penggunaan. Hipotesis kajian juga menunjukkan terdapat perkaitan positif antara persepsi pengguna dan kawalan tingkah laku. Akhir sekali hasil analisis menunjukkan terdapat perkaitan positif yang rendah antara persepsi pengguna dengan kepercayaan. Beliau juga mendapati persepsi responden terhadap pembayaran zakat secara atas talian adalah rendah. Daripada kajian lepas yang dilakukan ini, beberapa penambahbaikan boleh dilakukan di mana pengkaji mendapati terdapat ruang untuk menguji dari aspek penerima zakat dan penggunaan ICT berbanding sebelumnya.

Model Penerimaan Teknologi

Model Penerimaan Teknologi (*Technology Acceptant Model: TAM*) merupakan model yang dipengaruhi oleh Teori Tindakan Beralasan (*Theory of Reasoned Action: TRA*) yang dipelopori oleh Fishbein & Ajzen. TAM mula diperkenalkan dan dibangunkan oleh Fred Davis dalam tahun 1986 (Davis 1989; Davis et al. 1989). Model TAM secara spesifiknya diperolehi daripada teori berkenaan yang digunakan untuk memahami dan memperjelaskan mengenai isu dan keinginan pengguna terhadap penerimaan dan penggunaan sesuatu teknologi. Terdapat dua konstruk utama dalam model TAM iaitu tahu kegunaan dan tahu mudah guna yang menjadi faktor penentu mempengaruhi sikap dan keinginan serta kelakuan untuk menggunakan teknologi seperti komputer. Rajah 3.4 menunjukkan model TAM yang asal (Davis, 1989).



Rajah 1: Model Penerimaan Teknologi (Dais et al., 1989)

Menurut Davis (1989) takrifan tahu kegunaan merujuk kepada tahap kepercayaan kepada seseorang apabila dirinya menggunakan sesuatu teknologi tertentu akan meningkatkan prestasi kerjanya. Seseorang juga cenderung untuk menggunakan atau tidak menggunakan sesuatu aplikasi bergantung kepada rasa percaya mereka bahawa ianya akan membantu dalam tugas mereka dengan lebih baik. Davis et al. (1989) turut menyatakan takrifan tahu kegunaan ialah memperjelaskan persepsi pengguna terhadap sesuatu teknologi akan meningkatkan prestasi seseorang di tempat kerja mereka.

Sementara takrifan tahu mudah guna pula merujuk kepada tahap kepercayaan seseorang dengan menggunakan sesuatu teknologi tertentu akan memudahkan tugas mereka. Seseorang pengguna percaya bergunanya sesuatu aplikasi, tapi pada masa yang sama rasa percaya yang teknologi tersebut susah digunakan dan manfaat penggunaan terlebih penting daripada usaha menggunakan aplikasi tersebut (Davis, 1989). Davis et al. (1989) pula menyatakan tahu mudah guna ditakrifkan sebagai memperjelaskan persepsi pengguna jumlah usaha yang diperlukan untuk menggunakan sesuatu sistem atau tahap mana pengguna percaya dengan menggunakan teknologi tertentu akan bebas usaha.

Davis dalam kajian mendapati konstruk tahu kegunaan mempunyai korelasi yang lebih signifikan berbanding konstruk tahu mudah guna. Selanjutnya, konstruk tahu mudah guna dicadangkan sebagai faktor mempengaruhi konstruk tahu kegunaan secara tidak langsung (Ma & Liu 2004). Selanjutnya penggunaan model TAM begitu meluas digunakan dalam bidang penggunaan teknologi komputer dan teknologi maklumat. Misalnya Davis (1993) menggunakan model TAM yang dibangunkannya itu untuk memperjelaskan mengapa pengguna menerima atau menolak teknologi maklumat dan bagaimana penerimaan pengguna terhadap sesuatu rekabentuk sistem. Kajian tersebut dijalankan ke atas 112 responden yang terdiri daripada kakitangan profesional dan pengurusan Amerika Syarikat Utara. Davis menggunakan kaedah analisis regresi berganda untuk menguji konstruk dalam model TAM berkenaan. Dapatan kajian mendapati konstruk tahu kegunaan dan tahu mudah guna mempunyai perkaitan yang signifikan dengan sikap dan penggunaan sistem sebenar.

Chau & Lai (2003) pula menggunakan model TAM untuk mengetahui keinginan pengguna menggunakan perkhidmatan perbankan internet. Dalam kajian ini mereka mengemukakan tiga faktor luaran yang akan mempengaruhi konstruk tahu mudah guna iaitu personaliti, perkhidmatan sekutu dan kebiasaan tugas dan dua konstruk mempengaruhi tahu mudah guna iaitu kebiasaan tugas dan kemudahan akses. Pelajar program eksekutif di Universiti Hongkong dijadikan sebagai sampel kajian dengan menggunakan analisis model berstruktur. Hasil kajian mendapati kesemua faktor luaran mempunyai perkaitan dengan konstruk tahu kegunaan dan tahu mudah guna. Konstruk tahu mudah guna didapati sebagai penentu utama yang signifikan terhadap penerimaan perbankan internet di kalangan pengguna. Aplikasi

TAM dalam zakat telah dijalankan oleh Muda et al (2013) dengan hasil kajian yang menunjukkan persepsi pengguna laman web LZS adalah tinggi (49.6%) terhadap manfaat, kemudahan penggunaan dan kepercayaan.

3.0 METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif dengan menjalankan soal selidik dilapangan kajian. Lokasi kajian adalah institusi pengajian tinggi awam dan swasta di negeri Pahang iaitu Kolej Islam Pahang (KIPSAS), Pahang Skills Development Centre (PSDC), Universiti Malaysia Pahang (UMP) dan Politeknik Sultan Haji Ahmad Shah (POLISAS). Institusi-institusi ini dipilih kerana kajian ini hanya mengambil kira responden yang pernah memohon bantuan zakat pendidikan melalui sistem *E-Dermasiswa*. Lantaran itu kaedah persampelan bertujuan telah digunakan dalam mendapatkan responden kajian. Hasil soal selidik selama sebulan telah berjaya memperolehi sebanyak 272 data lengkap untuk analisis data selanjutnya.

4.0 HASIL KAJIAN

Data kajian dianalisis mengguna SPSS 22.0 dan kemudiannya dihuraikan secara diskriptif serta statistik inferential. Analisis latar belakang responden mendapati 58% responden adalah berasal daripada kawasan bandar dan 44.7 peratus responden berada di tahun dua pengajian. Hasil kajian juga mendapati lebih daripada separuh (79%) responden adalah pelajar perempuan. Purata umur adalah di antara 19 tahun hingga 22 tahun dengan 60.3 peratus mempunyai kelayakan akademik sekurang-kurangnya sijil atau diploma. Analisis regresi berbilang menunjukkan bagaimana tahap keberkesanan prosedur permohonan zakat atas talian (*E-Dermasiswa*) ditentukan berdasarkan pembolehubah yang dicadangkan berdasarkan Model Penerimaan Teknologi. Hasil kajian dijelaskan seperti di Jadual 1 dan Jadual 2. Jadual 1 menunjukkan ringkasan jadual ANOVA atau analisis varian terhadap pembolehubah bersandar dan pembolehubah tidak bersandar dalam model kajian. Hasil analisis mendapati nilai statistik $F_{2,261}$ (97.719) bagi model regresi berganda lebih besar berbanding nilai kritikal ($F_{\alpha}=2.60$). Nilai ini menunjukkan bahawa terdapat perhubungan yang signifikan ($p=0.001$) antara pembolehubah bersandar (keberkesanan prosedur permohonan bantuan zakat) dengan pembolehubah tidak bersandar (tahu guna dan mudah guna).

Jadual 1: Ringkasan jadual ANOVA model kajian
ANOVA^a

Model		Jumlah kuasa dua	d.k	Min kuasa dua	F	Sig.
1	Regrasi	36.080	2	18.040	97.719	0.000 ^b
	Ralat	47.814	259	0.185		
	Jumlah	83.893	261			

a. Pembolehubah bersandar: keberkesanan Permohonan bantuan zakat

b. Peramal: (pemalar), tahu guna, mudah guna

Jadual 2: Pekali regrasi berganda model kajian
Pekali^a

<i>Model</i>		<i>Pekali Tidak Terpiawai</i>		<i>Pekali Terpiawai</i>		
		<i>B</i>	<i>Ralat Piawai</i>	<i>Beta</i>	<i>t</i>	<i>Sig.</i>
1	Pemalar	0.884	0.218			0.000
	Tahu guna	0.258	0.075	0.253	3.431	0.001
	Mudah guna	0.502	0.084	0.441	5.988	0.000

a. *Pembolehubah bersandar: Keberkesanan prosedur permohonan bantuan zakat secara atas talian.*

Jadual 2 menunjukkan nilai pekali korelasi berganda bagi model kajian ini. Hasil analisis mendapati pembolehubah tahu guna signifikan mempengaruhi keberkesanan prosedur permohonan bantuan zakat secara atas talian ($\beta=0.258$, $p<0.001$). Begitu juga dengan mudah guna ($\beta=0.502$, $p<0.001$). Kedua-dua pembolehubah tersebut mempunyai pengaruh yang positif dengan keberkesanan prosedur permohonan bantuan zakat secara atas talian. Ini bermakna apabila pengguna merasakan mereka tahu menggunakan sistem *E-Dermasiswa* ini, maka ianya akan meningkatkan keberkesanan prosedur bantuan sebanyak 25 peratus. Begitu juga dengan faktor mudah guna yang memberikan kesan positif terhadap keberkesanan prosedur permohonan secara atas talian. Satu unit peningkatan dalam mudah guna akan meningkatkan keberkesanan prosedur permohonan sebanyak 50 peratus. Secara keseluruhannya, faktor mudah guna didapati faktor utama dalam mempengaruhi tahap keberkesanan sistem permohonan bantuan zakat atas talian.

5.0 PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, kajian ini dilaksanakan untuk mengkaji tahap keberkesanan dalam prosedur permohonan bantuan zakat pendidikan menggunakan aplikasi atas talian (*E-Dermasiswa*). Keberkesanan sesuatu perkhidmatan pastinya mampu diukur dari aspek kepenggunaannya. Sekiranya pengguna merasakan penggunaan sesuatu aplikasi itu adalah mudah dan memberi kebaikan, maka tahap penggunaannya akan meningkat dan digunakan sebaiknya dalam mempercepatkan proses sesuatu perkhidmatan yang disediakan. Hasil kajian mendapati kedua-dua pembolehubah daripada Model Penerimaan teknologi mampu memberi kesan kepada tahap keberkesanan prosedur permohonan zakat secara atas talian. Pengguna yang merasakan mereka tahu menggunakan sistem dan tahu akan kebaikan sistem kepada pengguna akan meningkatkan keberkesanan prosedur permohonan tersebut. Begitu juga pembolehubah mudah guna yang didapati positif terhadap keberkesanan pengguna *E-Dermasiswa*. Ini membuktikan aplikasi ICT dalam pengurusan zakat mampu memberikan peningkatan dalam kualiti perkhidmatan agihan zakat secara lebih cekap dan sistematik. Keputusan ini menyokong kajian Norhayati (2009) dan Muda (2009).

Kajian ini dilihat menyumbang dari dua sudut iaitu teori dan aplikasi ICT dalam zakat pendidikan. Penilaian aspek teoritikal menunjukkan kajian menyokong kajian-kajian sebelum ini (Davis, 1993; Chau & Lai, 2003; Muda 2013) yang menggunakan TAM dalam memahami tingkah laku penerimaan teknologi dalam kalangan pengguna ICT. Kajian ini menambah nilai dengan menggunakan model TAM dalam penilaian keberkesanan sistem *E-Dermasiswa* yang dilihat apabila pengguna merasakan sistem adalah bermanfaat dan mudah digunakan maka ianya akan meningkatkan keberkesanan penggunaan sistem dalam sesuatu perkhidmatan.

Selain itu juga kajian ini telah memperlihatkan satu sudut yang berbeza berbanding kajian sebelum ini. Analisis dari aspek penerima zakat dan ICT yang dilihat sangat kurang dikaji telah memberikan satu nilai tambah kepada kajian pengurusan zakat sebelum ini. Oleh itu kajian ini diharapkan dapat memberi manfaat kepada banyak pihak terutama institusi zakat sendiri dalam menambahbaik kualiti perkhidmatan yang sedia ada. Usaha MUIP dalam aplikasi ICT untuk sistem agihan zakat sememangnya dilihat sebagai langkah proaktif yang wajar dicontohi oleh institusi zakat di negeri-negeri lain dalam mempercepatkan proses agihan zakat kepada penerima bantuan. Keberkesanan permohonan bantuan zakat melalui sistem oleh institusi zakat telah memberi satu indikator kepada penyelidik yang lain untuk melihat dengan lebih terperinci mengenai isu ini. Kajian di masa hadapan perlu melihat dengan lebih terperinci dalam aspek agihan zakat pendidikan ini dari sudut pandang kegunaan wang bantuan serta keberkesanan pengguna ICT dalam agihan bantuan zakat secara keseluruhan.

PENGHARGAAN

Setinggi-tinggi penghargaan di atas pembiayaan penyelidikan dari Dana Geran Penyelidikan dan Inovasi Pusat Kecemerlangan Zakat (MIMTAZ) Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS).

RUJUKAN

- Chau, P.Y.K & Lai, V.S.K. 2003. An empirical investigation of the determinants of user acceptance of internet banking. *Journal of Organizational Computing and Electronic Commerce* 13(2):123-145.
- Davis F.D, Bagozzi R.P., Warshaw P.R., (1989) User acceptance of computer technology: a comparison of two theoretical models, *Management Sciences* 35 (8) 982–1003.
- Davis, F.D. (1989). Perceived usefulness, perceived ease of use, and user acceptance of information technology. *MIS Quarterly*, 13 (3), pp. 318-340.
- Davis, F.D. (1993). User acceptance of information technology: system characteristics, user perceptions and behavioral impacts. *International Journal of Man-Machine Studies* 8:475-487.
- Hairunnizam Wahid, Sanep Ahmad, & Radiah Abdul Kader. (2009). Pengagihan Zakat Oleh Institusi Zakat Di Malaysia: Mengapa Masyarakat Islam Tidak Berpuas Hati? *Jurnal Syariah*, 17(1), 89–112.
- Ma, Q. & Liu, L. 2004. The Technology Acceptance Model: A meta-analysis of empirical findings. *Journal of Organizational and End User Computing* 16(1):59-72.
- Mohamed Izam, M. Y. (2010). Pengurusan Zakat Di Negeri Selangor: Mengorak Langkah Meneraju Perubahan. USM Pulau Pinang.
- Noorhayati, A. H. (2011). Customers' perception of online zakat payment between government and private sector employee. Tesis Disertasi. Universiti Utara Malaysia
- Shofian, A. & Amir Husin, M. N. (2002). Zakat membangun ummah. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.

www.muip.gov.my